



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN TAHUN 2020 SIRI 1**

1. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Kelantan dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan (PP) menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) PP pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
3. LKAN mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2020 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada **22 Mac 2022**. LKAN ini dibentang setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada **18 Julai 2022** setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **4.1. Akademi Yakin Sdn. Bhd.**

- a. Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan yang dilaksanakan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama syarikat dan kedudukan kewangan, didapati objektif penubuhan Akademi Yakin Sdn. Bhd. (AYSB) tidak dicapai sepenuhnya. Aspek tadbir urus korporat AYSB secara umumnya adalah memuaskan, namun terdapat beberapa tindakan penambahbaikan perlu dilaksanakan selaras dengan amalan terbaik yang disarankan.
- b. AYSB telah menyumbang dana berjumlah RM4.37 juta kepada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) melalui pendapatan yang diperoleh hasil daripada aktiviti usaha sama AYSB. Dari segi keberhasilan pula, AYSB telah mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan dan dapat membantu dalam perkembangan KIAS. Selain itu, AYSB juga telah memberikan sumbangan kewangan kepada Kerajaan Negeri Kelantan.
- c. Dari segi pengurusan aktiviti, projek pembangunan secara usaha sama adalah kurang cekap kerana projek tidak dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian. AYSB mengalami pengurangan hasil berjumlah RM5.73 juta yang disebabkan oleh perubahan kadar sewaan dan pendahuluan tunai yang dibayar oleh kontraktor bagi tahun 2017 dan 2020. Kedudukan kewangan AYSB berada pada tahap stabil dengan keuntungan terkumpul berjumlah RM13.73 juta pada akhir tahun 2020.

5. Ketua Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Eksekutif berkenaan, tiga syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara.
  
6. LKAN ini dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 18 Julai 2022. Oleh itu LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 18 Julai 2022 selepas jam 2 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

18 Julai 2022

18 Zulhijjah 1443H